

**PERTIMBANGAN MAHKAMAH BAGI SOLUSI PERTIKAIAN PENJAGAAN  
ANAK DALAM KES PEMELUKAN AGAMA ISLAM: SATU TINJAUAN  
PERUNDANGAN**

**Marina Abdul Manap\***

Fakulti Undang-Undang, Governan & Hubungan Antarabangsa  
Universiti Islam Melaka  
marina@unimel.edu.my

**Nur Asyura Abd Aziz Shahrifuaddin**

Fakulti Undang-Undang, Governan & Hubungan Antarabangsa  
Universiti Islam Melaka  
norasyura0405@gmail.com

*\*Corresponding author*

---

*Received Date: 17 October 2025   Accepted Date: 28 November 2025   Published Date: 31 December 2025*

---

**ABSTRAK**

Hak penjagaan anak merupakan salah satu perkara yang sering menjadi pertikaian di antara suami dan isteri yang berpisah selain daripada nafkah dan harta perkahwinan. Ia merupakan keputusan penting yang harus diputuskan kerana perceraian bukan hanya memberi kesan kepada pasangan terbabit malahan turut melibatkan kesejahteraan dan kebajikan anak. Bagi pasangan yang bercerai atas alasan pemeluk agama Islam, masalah yang timbul akan berpanjangan kepada penentuan agama anak-anak hasil perkahwinan tersebut. Mahkamah dalam menyelesaikan isu ini perlu membuat pertimbangan yang teliti dan adil. Penulisan ini bertujuan untuk merungkai faktor-faktor yang menjadi pertimbangan semasa mahkamah dalam menyelesaikan pertikaian berkaitan hak penjagaan anak khususnya dalam kes perceraian kerana salah satu pihak dalam perkahwinan memeluk Islam. Penulisan ini juga turut menganalisis kes-kes perceraian sivil semasa bagi melihat kecenderungan mahkamah dalam menentukan hak penjagaan anak selepas perceraian. Penulisan ini dihasilkan dengan menganalisis pelbagai teks seperti kes-kes, jurnal, laporan dan juga temubual bersama hakim mahkamah. Berdasarkan penulisan ini, kepentingan dan kebajikan anak merupakan keutamaan namun terdapat juga beberapa aspek lain yang perlu menjadi asas pertimbangan mahkamah dalam memastikan kesejahteraan keluarga dan masyarakat.

**Kata Kunci:** *Hak penjagaan, penjagaan anak, perceraian, pemeluk agama Islam, mahkamah*

***COURT CONSIDERATIONS IN THE SOLUTION OF CHILD CUSTODY DISPUTES  
FOR CASES OF EMBRACING ISLAM: A LEGAL REVIEW***

***ABSTRACT***

*Child custody is one of the matters that often becomes a dispute between a husband and wife who separate apart from maintenance and marital property. It is an important decision that must be made because divorce not only affects the couple involved but also involves the well-being and welfare of the children. For couples who divorce on the grounds of embracing Islam, the problems that arise will extend to the determination of the religion of the children of the marriage. The court in resolving this issue needs to make careful and fair judgments. This writing aims to unravel the factors that are considered by the court in resolving disputes related to child custody, especially in divorce cases because one of the parties in the marriage converted to Islam. This writing also analyzes current civil divorce cases to see the court's tendency in determining child custody rights after divorce. This writing was produced by analyzing various texts such as cases, journals, reports and also interviews with judges. Based on this writing, the interest and welfare of the child is a priority but there are also several other aspects that need to be the basis of the court's consideration in ensuring the well-being of the family and society.*

**Keywords:** *Child custody, child care, divorce, conversion to Islam, courts*

## **PENDAHULUAN**

Dalam sebuah negara seperti Malaysia yang mempunyai pelbagai penduduk berbilang agama dan bangsa, tidak mustahil berlaku isu perkahwinan campur dan perceraian akibat pemeluk agama Islam. Misalnya dalam pembubaran perkahwinan sivil disebabkan salah satu pihak memeluk agama Islam, wujud beberapa konflik seperti pertikaian hak penjagaan anak, nafkah, harta perkahwinan dan sebagainya. Dalam menonjolkan keindahan Islam, kita juga perlu mengambil kira solusi yang bersesuaian dalam menangani konflik yang timbul bagi tujuan menjaga keharmonian masyarakat secara umumnya.

Apabila pertikaian berlaku dalam kes pembubaran perkahwinan kerana memeluk agama Islam, wujud beberapa konflik dari sudut perundangan. Hal ini kerana terdapat banyak kes pasangan bukan Islam menuntut haknya di mahkamah selepas suami atau isterinya memeluk agama Islam. Lazimnya hak-hak yang ingin dituntut adalah seperti hak nafkah, hak penjagaan anak, harta perkahwinan yang diperolehi bersama dalam tempoh perkahwinan dan penentuan status agama anak.

Salah satu isu yang sering menjadi perhatian dan menimbulkan perbincangan umum masyarakat adalah berkaitan hak penjagaan anak-anak hasil daripada perkahwinan yang dibubarkan kerana suami atau isteri telah memeluk agama Islam. Memandangkan Malaysia mempunyai dua sistem kehakiman iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, maka sering berlaku pertindihan bidangkuasa disebabkan tuntutan berkaitan hak penjagaan anak-anak yang perkahwinan ibu bapanya bubar atas alasan memeluk agama Islam.

## **PENDAHULUAN**

Hak penjagaan anak dikenali sebagai hadhanah dalam bahasa arab. Dari sudut bahasa, hadhanah bermaksud merawat dan mengasuh. Hadhanah juga didefinisikan sebagai

penjagaan fizikal serta pengasuhan terhadap kanak-kanak yang seharusnya dilakukan oleh pengasuh Menurut Jabatan Bantuan Guaman, hadhanah bermaksud penjagaan kanak-kanak lelaki atau perempuan yang masih kecil dan belum berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri sama ada dalam tempoh perkahwinan atau perceraian. Menurut Al-Sharbini, hadhanah adalah merujuk kepada satu tindakan untuk memberikan pendidikan dan menjaga kanak-kanak yang tidak mampu untuk menguruskan dirinya sendiri dan tidak dapat membezakan perkara baik dan buruk (Al-Sharbini, t.t).

Menurut Imam Al-Nawawi dalam kitab Raudhah al-Talibin, hadhanah merujuk kepada mendirikan hak-hak dengan menjaga orang yang belum mumayyiz dan tidak mampu berdikari untuk menguruskan diri sendiri, mengasuh selayaknya serta memeliharanya dari sebarang perkara yang boleh mendatangkan kesakitan. Sebahagian ulama' seperti Ibn 'Abidin dan Al-Jurjani berpendapat bahawa hadhanah bukan sahaja berkaitan hak dan kuasa pemeliharaan dan penjagaan terhadap anak kecil sehingga dia mampu membezakan baik dan buruk, malahan ia juga termasuk hak dan kuasa dalam menentukan pendidikan terhadap anak berkenaan.

Penjagaan kanak-kanak di bawah umur juga dipanggil hadhanah kerana ia merupakan istilah khusus untuk anak yang belum mumayyiz. Dari segi bahasa, hadhanah berasal dari perkataan “الحضانة” atau setara dengannya iaitu “الجنبة” membawa maksud rusuk. Hal ini kerana istilah hadhanah merujuk kepada keadaan apabila penjaga ingin mendukung kanak-kanak yang belum mumayyiz, maka mereka akan meletakkan kanak-kanak itu di tepi rusuk (Shamsuddin Hussain, 2024).

Terdapat satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud di mana Rafi' Bin Sinan RA telah menganut agama Islam manakala isterinya masih lagi kekal dalam agama asalnya. Rafi' telah membawa anak perempuan mereka yang masih menyusu di hadapan Rasulullah SAW. Lalu, Rasulullah SAW telah berkata kepadanya:

*“Duduklah kamu di satu sudut (Nabi SAW meletakkan si bapa di satu sudut). Nabi SAW berkata kepada si ibu pula: Duduklah kamu di satu sudut yang lain. Lalu Nabi SAW meminta keduanya untuk memanggil anak mereka. Setelah itu, anak tersebut cenderung kepada ibunya. Lalu Nabi SAW pun berdoa, “Ya Allah berikannya (anak kecil tersebut) petunjuk.” Maka dengan itu, anak tersebut cenderung kepada bapanya dan dengan itu dia (si bapa) mengambilnya (mengambil hak penjagaan anak tersebut).”*

Riwayat Abu Daud (2244)

Berdasarkan hadis di atas, jelas bahawa sekiranya berlaku pertelingkahan di antara orang Islam dan bukan Islam mengenai hak penjagaan anak, maka orang yang lebih layak dan berhak untuk mendapat hak penjagaan adalah orang Islam sepertimana pandangan yang terdapat dalam mazhab Imam Al-Syafie.

## **KONSEP HAK PENJAGAAN ANAK MENURUT PERUNDANGAN SIVIL DAN SYARIAH**

Menurut undang-undang Islam di Malaysia, hak penjagaan anak dikenali sebagai hadhanah iaitu pemeliharaan dari sudut fizikal dan perbuatan memelihara itu dilakukan oleh seorang hadin (pengasuh lelaki) atau hadinah (pengasuh perempuan) yang mana mereka ini melakukan tugas untuk mengasuh kanak-kanak yang tidak mampu menguruskan diri mereka sendiri. Tempoh sesuatu keutamaan hadhanah itu tamat apabila kanak-kanak itu mencapai umur mumayiz dan selepas dari itu ianya akan dikira sebagai hak penjagaan anak selepas mereka baligh (Al-Jaziri, 1969). Disini, para ulama telah membezakan bahawa kedua-kedua tempoh penjagaan itu adalah berbeza mengikut keperluan diri kanak-kanak itu. Pada peringkat sebelum mumayyiz mereka memerlukan kasih sayang ibu dan juga susuan dari ibu tetapi apabila sudah meningkat dewasa mereka lebih memerlukan kebajikan yang terjamin dari sudut mental serta fizikal.

Para ulama telah memberikan garis panduan berkaitan hak penjagaan anak dengan mensyaratkan dua elemen iaitu memelihara fizikal, mental serta emosi dengan menyeluruh dan memberikan pendidikan yang paling terbaik buat mereka yang tidak mampu menguruskan diri sendiri disebabkan kanak-kanak itu belum mumayyiz atau golongan kurang sempurna akal nya. Hak penjagaan ini diwajibkan oleh Allah SWT untuk menghindarkan perkara-perkara yang boleh mendatangkan bahaya dan kemudaratan kepada seseorang kanak-kanak. Atas alasan tersebut, hadanah adalah hak yang diberikan secara khusus kepada pihak yang benar-benar mempunyai kelayakan untuk melaksanakan hak tersebut.

Menurut undang-undang keluarga sivil, perkataan “penjagaan” tidak dinyatakan secara jelas dan spesifik dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 serta Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961. “Jagaan” merujuk kepada kawalan fizikal, pemeliharaan dan akses terhadap anak manakala “penjagaan” meliputi hak yang lebih luas ke atas kanak-kanak seperti asuhan, pendidikan dan pengurusan harta kanak-kanak itu. Seksyen 3 Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961 memperuntukkan tugas seorang yang diberikan hak jagaan termasuklah tanggungjawab menyokong, menjaga hal ehwal kesihatan dan pelajaran seorang kanak-kanak. Peruntukan yang menggambarkan skop jagaan boleh dilihat dalam Seksyen 89 (1) AMU 1976 yang berbunyi:

- 1) *Sesuatu perintah jagaan boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan oleh mahkamah patut dikenakan, dan tertakluk kepada syarat-syarat itu, jika ada, sebagaimana dipakai dari semasa ke semasa, adalah mengehakkan orang yang kepadanya diberi jagaan itu memutuskan semua soal berhubung dengan pendidikan dan pelajaran anak itu.*

Dalam kes **Chang Ah May @ Chong Chaw Peng v Francis Teh Thian Sar [1991] 2 CLJ**, hakim telah mentakrifkan bahawa perkataan “*custody, care dan control*” menunjukkan hak penjagaan anak bukan sahaja melibatkan penjagaan yang bersifat fizikal tetapi merangkumi juga elemen yang lain seperti perasaan dan emosi anak yang stabil sepanjang anak itu membesar. Umumnya, terdapat tiga (3) hak penjagaan di negara ini iaitu hak penjagaan undang-undang, hak penjagaan fizikal dan hak untuk melawat (Louisa Chang, 2018).

Sama kedudukannya seperti dalam Undang-undang Islam, hak penjagaan anak adalah merupakan hak ibu bapa kepada anak tersebut yang lahir daripada satu perkahwinan. Seksyen 5 Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961 menyatakan bahawa ibu juga akan mendapat hak dan kuasa yang sama dengan bapa kerana undang-undang menekankan bahawa hak dan kuasa bagi ibu dan bapa adalah sama. Namun, hak penjagaan ini boleh berubah kepada pihak lain seperti saudara-mara, pihak berkuasa, rumah kebajikan dan lain-lain dalam keadaan tertentu. Permohonan hak penjagaan boleh dilakukan berdasarkan Seksyen 88 (1) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Menurut kedua-dua perundangan sivil dan syariah, keutamaan dalam penentuan hak penjagaan anak adalah menekankan tentang kepentingan terbaik anak-anak. Ini bermaksud hak penjagaan anak bukanlah suatu hak istimewa mana-mana individu kerana apabila berlaku pertikaian yang melibatkan isu penjagaan anak, maka hak kebajikan kanak-kanak akan lebih diutamakan. Menurut Hakim Noraini Abdul Rahman dalam kes **Chan Eng Lim v Camille Yap & Other Cases [2013] 1 LNS 861**, prinsip mengutamakan kepentingan terbaik kanak-kanak yang menjadi keutamaan dalam Seksyen 88(3) Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 turut boleh digunapakai bagi anak yang lahir di luar perkahwinan yang sah. Justeru itu, kepentingan terbaik bagi seseorang anak menjadi prinsip utama dalam menentukan hak penjagaan menurut undang-undang syariah mahupun sivil termasuklah dalam kes ibu bapa berpisah disebabkan perbezaan agama.

## **PRINSIP ASAS DALAM MENENTUKAN HAK PENJAGAAN ANAK**

Hak penjagaan anak menjadi satu perdebatan hebat di mahkamah apabila melibatkan isu salah satu pihak dalam perkahwinan sivil memeluk agama Islam. Walaupun ibu bapa saling bertelingkah sesama sendiri untuk memastikan anak-anak menganuti agama pilihan mereka, akan tetapi terdapat prinsip lain yang harus dititikberatkan demi memastikan kepentingan anak-anak terjamin. Mahkamah akan melihat kepada fakta kebajikan seorang kanak-kanak bagi memastikan keperluannya dapat disediakan dengan baik oleh ibu atau bapa. Oleh itu, terdapat beberapa tanggungjawab yang seharusnya ibu bapa perlu menyediakan untuk anak-anak seperti menguruskan keperluan harian misalnya makanan, pakaian, tempat tinggal serta kelengkapan diri yang sempurna bagi anak-anak (Al-Zuhaily, 1997).

Prinsip yang perlu diutamakan dalam hak penjagaan anak adalah mengutamakan kebajikan anak-anak dimana prinsip ini diperakui oleh undang-undang hak asasi kerana kepentingan anak-anak adalah lebih utama kerana ia melibatkan masa depan anak tersebut dan tumbesarannya dari sudut emosi dan fizikal. Tambahan juga, prinsip asas dalam menentukan hak penjagaan anak bukanlah berdasarkan kepada hak ibu atau bapa semata-mata, tetapi ianya merangkumi tanggungjawab pihak yang mendapat hak penjagaan anak untuk memelihara kebajikan dan kepentingan anak itu. Sekiranya berlaku kesilapan dalam menentukan hak penjagaan anak, maka pengabaian tanggungjawab terhadap anak itu akan berlaku dan semestinya penganiayaan tersebut akan dirasai oleh anak itu. Oleh hal yang demikian, Mahkamah telah mengambilkira aspek prinsip asas iaitu kebajikan anak dalam menentukan hak penjagaan anak apabila berlaku perpisahan antara ibu dan bapa.

## **PERUNTUKAN BERHUBUNG HAK PENJAGAAN ANAK DALAM AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984**

Dari sudut perundangan syariah di Malaysia, hak penjagaan anak yang juga dikenali sebagai hadhanah telah diperuntukkan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam mengikut setiap negeri di Malaysia. Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984) (Akta 303) telah memperuntukkan secara jelas dalam Bahagian VII iaitu kaedah yang digunapakai oleh undang-undang syariah dalam bab hadhanah dan juga penjagaan anak.

Seksyen 81 (1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 telah memperuntukkan bahawa ibu merupakan individu yang paling berhak untuk mendapatkan hak penjagaan anak. Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen ini iaitu:

- 1) Tertakluk kepada Seksyen 82, ibu adalah yang paling berhak dari segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.*

Walaupun ibu merupakan individu yang lebih berhak daripada orang lain dalam mendapatkan hak penjagaan anak, namun terdapat beberapa syarat kelayakan yang perlu dipenuhi terlebih dahulu. Ini telah diperuntukkan dalam Seksyen 82 Akta 303 berkaitan kelayakan-kelayakan yang diperlukan bagi seseorang untuk menjadi penjaga:

- a) Mestilah seorang yang beragama Islam;*
- b) Mempunyai akal yang sempurna;*
- c) Telah cukup umur yang mana ianya melayakkan seseorang itu dapat menjaga kanak-kanak itu dan memberikan kasih sayang yang diperlukan oleh kanak-kanak;*
- d) Mempunyai kelakuan yang baik dari segi akhlak Islamiah; dan*
- e) Mempunyai tempat tinggal yang baik untuk didiami oleh kanak-kanak dan tempat tinggal itu tidak akan mendatangkan sebarang akibat buruk sama ada dari segi rohani mahupun jasmani.*

Terdapat kelayakan seorang ibu sebagai seorang hadinah (penjaga kanak-kanak) itu boleh digugurkan juga atas beberapa faktor yang tidak menepati ciri-ciri sebagai seorang hadinah. Ini telah diperuntukkan dalam Seksyen 83 Akta 303 iaitu:

- a) Jika perempuan itu berkahwin lain dengan seseorang yang tidak mempunyai pertalian darah dengan kanak-kanak itu;*
- b) Jika perempuan itu mempunyai akhlak yang buruk dan berkelakuan tidak sopan secara terbuka;*
- c) Jika perempuan itu menukar tempat pemastautinannya dengan niat ingin menjauhkan kanak-kanak itu dengan bapanya dari menjalankan*

*tanggungjawab untuk mengawas anak itu kecuali seseorang isteri itu boleh mengambil anak tersebut ke tempat lahirnya;*

- d) Jika seseorang perempuan itu murtad;*
- e) Jika perempuan tersebut melakukan kecuaiian dan penganiayaan terhadap kanak-kanak itu.*

Melalui peruntukan Seksyen 82 dan 83 Akta 303 ini dapatlah dilihat beberapa klasifikasi yang telah ditetapkan oleh undang-undang syariah dalam melayakkan seseorang mendapatkan hak penjagaan anak apabila berlaku penceraian di antara ibu dan bapa. Tambahan juga, Seksyen 82 (a) yang menyatakan secara jelas bahawa syarat kelayakan yang pertama dalam mendapatkan hak penjagaan anak adalah mesti menganuti agama Islam dilihat selari dengan Seksyen 83 (d) yang memperuntukkan bahawa seseorang yang murtad akan hilang kelayakan untuk menjadi penjaga utama kanak-kanak tersebut. Dapatlah disimpulkan menurut perundangan syariah, agama yang dianuti oleh ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorak pegangan agama kanak-kanak itu supaya akidah anak-anak tidak terpesong dengan agama-agama lain sekiranya mereka tinggal bersama ibu atau bapa yang bukan Islam.

#### **PERUNTUKAN BERHUBUNG HAK PENJAGAAN ANAK DALAM AKTA MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN PENCERAIAN) 1976**

Orang bukan Islam yang ingin membuat sesuatu tuntutan berkaitan hak penjagaan akan tertakluk dibawah Akta Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976. Segala perkara berkaitan hak penjagaan anak telah diperuntukkan di bahagian VIII Akta 351 ini. Dalam Seksyen 88 (1) AMU 1976 telah diperuntukkan:

- 1) Mahkamah pada bila-bila masa dengan perintah boleh meletakkan seseorang anak itu dalam jagaan ibu atau bapanya atau jika terdapat keadaan yang terkecuali yang menyebabkan sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku kepada anak itu ketika ia berada dalam jagaan ibu atau bapanya, maka hak jagaan boleh diberikan kepada saudara anak itu atau mana-mana persatuan bagi tujuan untuk menjaga kebajikan anak tersebut.*

Dalam peruntukan diatas jelas menunjukkan bahawasanya mahkamah mempunyai autoriti dalam menentukan hak penjagaan kanak-kanak. Mahkamah akan menilai dan meneliti semula pihak-pihak yang dirasakan layak untuk menjaga anak itu demi memastikan kepentingan anak tersebut dijamin. Seterusnya, mahkamah akan meneliti beberapa perkara yang akan diambilkira untuk memastikan kebajikan anak itu terjamin sepertimana yang telah diperuntukkan dibawah Seksyen 88(2) AMU 1976 iaitu:

- 2) Dalam menentukan pihak yang layak dalam mendapatkan hak penjagaan anak, pertimbangan utama yang harus dilihat adalah berkaitan hak penjagaan anak dan tertakluk kepada perkara ini, Mahkamah juga akan melihat kepada:*

- (a) Kemahuan ibu bapa kanak-kanak itu; dan*
- (b) Kemahuan anak-anak itu jika dia telah mencapai umur yang boleh menyatakan pendapat sendiri.*

Seksyen 88 (3) AMU 1976 pula telah memperuntukkan bahawa ibu merupakan golongan yang layak untuk mendapatkan hak penjagaan anak apabila anak tersebut berada dibawah umur 7 tahun. Seksyen ini telah menyatakan:

- 3) Adalah menjadi satu tanggapan yang tidak boleh disangkal dimana untuk memastikan kebaikan seseorang kanak-kanak di bawah umur tujuh tahun diletakkan hak jagaannya kepada ibu tetapi untum memastikan anggapan itu dipakai bagi fakta-fakta dalam sesuatu kes, Mahkamah akan memberikan perhatian terhadap ketidakinginan untuk mengganggu kehidupan seorang kanak-kanak dengan melakukan perubahan jagaan.*

Walaubagaimanapun, ibu bukanlah orang yang paling utama dalam mendapatkan hak penjagaan anak kerana mahkamah akan mempertimbangkan pihak-pihak yang lebih layak dan mampu untuk menjamin kebajikan serta menjamin kepentingan anak. Pandangan ini turut disokong oleh Tuan Zulfiqri yang menyatakan bahawa dalam Mahkamah Sivil, aspek keperibadian pihak-pihak dalam menjaga kebajikan anak merupakan perkara utama yang akan dipertimbangkan oleh mahkamah. Beliau turut menjelaskan bahawa sekiranya ibu atau bapa didapati tidak berkeupayaan untuk menjaga anak tersebut, terdapat kemungkinan anak berkenaan akan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memastikan kebajikannya terpelihara (Zulfiqri Zakaria, 2024).

### **PERUNTUKAN BERHUBUNG HAK PENJAGAAN ANAK DALAM AKTA MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN PENCERAIAN) 1976**

Di Malaysia juga terdapat beberapa akta untuk melindungi kanak-kanak supaya tidak ada pengabaian yang terjadi terhadap. Hatta, dalam semua perkara yang melibatkan kanak-kanak, kebajikan kanak-kanak adalah pertimbangan utama baik di mahkamah syariah mahupun di mahkamah sivil. Justeru itu, antara akta yang menyentuh berkenaan kebajikan kanak-kanak ialah Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961 yang memperuntukkan berkaitan jaminan terhadap kebajikan anak-anak. Seksyen 11 Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961 telah memperuntukkan:

*“Mahkamah atau Hakim, dalam melaksanakan tugasnya dibawah Akta ini, mestilah mengambilkira terutamanya kebajikan kanak-kanak tersebut dan hendaklah, sekiranya kanak-kanak itu mempunyai ibu atau bapa atau ibu bapa, mestilah mempertimbangkan kehendak ibu bapa atau kedua-duanya”.*

Mahkamah dalam kes **Yong May Inn v Sia Kuan Seng [1971] 1 MLJ 280** menegaskan pendapat bahawa “kebajikan” bermaksud setiap keadaan mestilah diambil pertimbangan dan mahkamah mesti bertindak dalam keadaan yang ibu bapa bijak lakukan atau patut lakukan. Bagaimana mahkamah mengaplikasi peruntukan ini dalam membuat pertimbangan berhubung hak penjagaan boleh dilihat dalam kes **Leong Sam Moy v Low Chee Thiam [1997] 2 CLJ Supp 212** melalui pandangan mahkamah yang berikut:

*“Mahkamah hendaklah mengambil kira kehendak dan perasaan kanak-kanak yang boleh dipastikan dengan pertimbangan berdasarkan umur dan pemahaman mereka. Akses adalah hak asasi kanak-kanak dan bukannya ibu bapa. Mahkamah juga mesti mempertimbangkan sama ada kebajikan kanak-kanak itu didorong oleh akses atau sebaliknya dan memutuskan dengan sewajarnya. Dan mahkamah biasanya akan memihak kepada ibu bapa yang terbaik dalam mengekalkan kestabilan. Keupayaan ibu bapa termasuk keupayaannya untuk menjalankan hubungan mesra dan kasih sayang dengan kanak-kanak itu juga penting.”*

Ini menunjukkan mahkamah bukan sahaja mempunyai budi bicara untuk mendengar hujahan dari ibu bapa dan mengambil kira keinginan mereka untuk menjaga anak tersebut malahan mahkamah masih berhak untuk menentukan individu yang lebih layak dalam menjaga anak tersebut demi memastikan kepentingan anak itu dijamin.

## **PERTIMBANGAN MAHKAMAH DALAM MENENTUKAN HAK PENJAGAAN ANAK**

### **Kebajikan**

Apabila timbul pertikaian hak penjagaan anak akibat pembubaran perkahwinan kerana salah satu pihak memeluk agama Islam, pertimbangan utama mahkamah adalah kebajikan dan kepentingan terbaik kanak-kanak. Konsep kebajikan ini tidak terhad kepada aspek fizikal semata-mata, malah merangkumi kesejahteraan emosi, pendidikan serta pembentukan moral dan agama kanak-kanak. Dalam hal ini, hak dan kemahuan ibu bapa hanya akan diambil kira setakat mana ia selari dengan kebajikan anak tersebut.

Mahkamah akan menilai kebajikan kanak-kanak berdasarkan pelbagai faktor seperti umur, jantina, agama, latar belakang budaya, tahap pendidikan, kesihatan serta persekitaran tempat tinggal yang berupaya mempengaruhi perkembangan fizikal, emosi dan mental kanak-kanak. Penilaian ini juga melibatkan penelitian terhadap hubungan antara anak dan ibu bapa serta risiko yang mungkin timbul sekiranya hak jagaan diberikan kepada salah satu pihak.

Pendapat ini turut disokong oleh Tuan Zulfiqri Zakaria iaitu peguam sivil dan syariah sewaktu ditemubual dimana beliau turut menyatakan jika berlaku perebutan hak penjagaan anak dalam kes salah satu pihak dalam perkahwinan memeluk agama Islam, maka perkara utama yang akan dilihat oleh mahkamah adalah kebajikan kanak-kanak itu.

Menurut beliau antara contoh-contoh kebajikan adalah merangkumi diri anak tersebut dari segi keselamatan, tempat tinggal, perilaku ibu atau bapa yang ingin mendapatkan penjagaan sama ada berkompeten atau sebaliknya dan tidak mendatangkan mudarat kepada anak tersebut (Zulfiqri Zakaria, 2024).

Seperti dalam kes **Shamala Santhiyaseelan v Dr Jeyaganesh C Mogarajah & Anor [2004] 2 MLJ 24**, Hakim Dato Faiza telah memerintahkan hak penjagaan anak-anak itu diberikan kepada kedua ibu bapa demi memastikan kebajikan anak-anak seperti pendidikan, kesihatan, penentuan agama anak serta harta mereka terjamin kerana hak penjagaan anak diberikan kepada mereka berdua supaya dapat membincangkan tentang kepentingan terbaik anak dan dapat memperoleh persetujuan bersama. Menurut responden dua iaitu Yang Arif Tuan Shamsuddin Bin Hussain, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan menjelaskan apabila berlaku pertikaian sedemikian, maka kebajikan anak akan diutamakan oleh mahkamah. Menurutnya lagi, kebajikan anak mestilah berdasarkan kepada “الدنية والدنيوية” yang mana ianya merangkumi kebajikan dari segi dunia dan akhirat iaitu dari segi didikan agama dan perkara keduniaan seperti menghantar anak ke sekolah. Beliau turut berkata kebajikan kanak-kanak bergantung kepada fasa anak-anak tersebut kerana tujuan kebajikan adalah berbeza mengikut fasa- fasa dimana terdapat tiga fasa bagi seorang kanak-kanak iaitu ghair mumayyiz, mumayyiz dan dewasa mengikut hukum syarak (Shamsuddin Hussain, 2024).

### **Penentuan Agama**

Antara faktor lain yang turut dipertimbangkan oleh mahkamah dalam membuat keputusan bagi menentukan hak jagaan anak apabila salah satu pihak dalam perkahwinan memeluk agama Islam adalah dengan melihat kepada pegangan agama ibu bapa. Malahan, seperti yang diketahui pihak yang mendapat hak jagaan anak sekaligus mempunyai kuasa untuk menentukan agama anak. Dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 12(4) juga telah memperuntukkan bahawa agama seorang kanak-kanak yang berumur kurang dari lapan belas tahun boleh ditentukan oleh ibu bapa atau ibu atau bapa. Jika diteliti, peruntukan ini bermaksud persetujuan dari salah satu pihak ibu atau bapa sudah memadai untuk membenarkan anak tersebut memeluk agama yang dipilih oleh ibu atau bapa. Disini jelas menunjukkan bahawa ibu atau bapa yang beragama Islam dan bukan Islam boleh menentukan pegangan agama anak mereka. Tetapi, dalam kes **Indira Gandhi Mutho v Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors [2013] 7 CLJ 82**, Mahkamah Persekutuan dalam kes ini berpendapat perkataan “parent” yang diperuntukkan itu adalah bersifat “plural” dimana penukaran agama anak mestilah secara perbincangan dan persetujuan bersama antara ibu dan bapa dan penukaran agama anak yang masih dibawah umur tidak boleh dibuat oleh satu pihak sahaja. Maka dalam kes ini keputusan Mahkamah terhadap pemelukan agama Islam si anak yang dilakukan oleh pihak bapa sahaja adalah tidak sah. Ini kerana jika bapa yang beragama Islam ingin menukar agama anaknya kepada Islam, maka perlulah mendapat persetujuan bersama dengan ibu yang bukan beragama Islam. Oleh itu sekiranya salah satu pihak tidak bersetuju untuk menukar agama anak tersebut, maka anak-anak tersebut mestilah diletakkan di bawah agama asal kerana mengikut undang-undang asal ibu bapa mereka berkahwin.

Tuan Zulfiqri Zakaria menjelaskan bahawa faktor agama turut dipertimbangkan oleh mahkamah dalam menentukan hak penjagaan anak apabila berlaku pembubaran perkahwinan akibat pemelukan agama Islam. Walau bagaimanapun, mahkamah sivil akan berbalik kepada undang-undang asal perkahwinan ibu bapa, khususnya Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976, sekiranya perkahwinan tersebut didaftarkan secara sivil. Pendekatan ini diambil bagi memastikan pematuhan terhadap Perlembagaan Persekutuan serta mengelakkan konflik bidang kuasa antara undang-undang sivil dan syariah. Dalam konteks ini, penentuan agama anak akan dibuat berdasarkan undang-undang sivil sehingga anak mencapai umur lapan belas tahun, di mana anak tersebut bebas memilih agama yang ingin dianuti (Zulfiqri Zakaria, 2024).

Di Mahkamah Syariah pula, faktor keagamaan merupakan elemen utama dalam menilai kebajikan kanak-kanak, termasuk kelayakan penjaga. Agama penjaga diambil kira sebagai salah satu kriteria penting dalam penentuan hak penjagaan anak, sebagaimana diputuskan dalam kes **Permohonan Ex Parte Zaimas Binti Ibrahim JH 10 (2) 204**, di mana hak penjagaan diberikan kepada pemohon kerana bapa telah murtad dan tidak lagi memenuhi syarat kelayakan sebagai penjaga. Pandangan ini turut disokong oleh Yang Arif Tuan Shamsuddin yang menegaskan bahawa aspek *addiniyyah* merupakan komponen penting kebajikan kanak-kanak, khususnya apabila anak menghampiri fasa akil baligh. Justeru agama penjaga menjadi pertimbangan utama dalam memastikan pendidikan dan pembentukan agama anak terpelihara (Shamsuddin, 2024).

### **Kemampuan Kewangan Ibu Bapa**

Masyarakat seringkali menganggap ibu atau bapa yang mempunyai kewangan yang lebih stabil akan berjaya mendapatkan hak jagaan ini. Tidak dinafikan juga kemampuan kewangan merupakan salah faktor yang akan dipertimbangkan oleh mahkamah, Tuan Zulfiqri ketika ditemubual menyatakan sesiapa yang mampu dalam menjamin kepentingan kanak-kanak dari sudut pelajaran, tempat tinggal maka individu tersebut yang akan layak untuk mendapatkan hak jagaan anak. Misalnya, walaupun ibu yang bukan beragama Islam itu yang lebih layak untuk mendapatkan hak jagaan anak menurut undang-undang asal mereka berkahwin, tetapi sekiranya ibu tidak mampu untuk memberikan menyediakan keperluan anak-anak dari segi pelajaran dan perubatan misalnya disebabkan masalah kewangan hingga menyebabkan kebajikan anak-anak terabai, maka berkemungkinan anak tersebut boleh diserahkan kepada bapa yang Islam disebabkan kewangannya yang lebih mampu untuk menanggung keperluan anak tersebut (Zulfiqri Zakaria, 2024).

Yang Arif Tuan Shamsuddin menyatakan ibu bapa mempunyai hak dan kewajipan masing-masing walaupun sudah berlainan agama. Beliau menjelaskan ibu atau bapa yang mempunyai kemampuan kewangan yang lebih stabil bukanlah faktor untuk menentukan kelayakan seseorang untuk mendapatkan hak jagaan anak. Misalnya walaupun kanak-kanak tinggal dengan ibu yang bukan Islam kerana kewangan ibu lebih kukuh dari bapa, namun individu yang seharusnya menyediakan nafkah anak seperti menanggung perbelanjaan sekolah anak, menyediakan rumah bagi anak-anak dan menyediakan makanan dan minuman anak adalah merupakan tanggungjawab bapa. Justeru itu ia adalah kewajipan

bapa untuk menafkahi anak-anaknya disebabkan bapa masih mempunyai *الولاية على النفس* yang mana ia adalah hak bapa yang kekal selamanya bagi tujuan ta'lim dan ta'dib.

Kedudukan kewangan yang kukuh juga menjadi antara perkara pertimbangan dalam menentukan kebajikan anak menurut undang-undang sivil. Ini jelas berdasarkan pandangan mahkamah dalam kes **Karen Young v Ng Tia Ching [2018] MLJ 377** sepertimana berikut:

*“Adalah lazim bahawa penilaian nafkah berdasarkan kepada tujuan dan keperluan pihak-pihak. Keperluan pihak yang menuntut nafkah adalah faktor penting dalam menyediakan nafkah. Dalam menentukan kuantum/jumlah nafkah, keupayaan suami, kemampuannya untuk membayar, keadaan sebenar pihak-pihak dan kedudukan kewangan harus diambil kira. Sebarang potensi pendapatan pemohon untuk nafkah juga patut menjadi pertimbangan.”*

### **Kemahuan, Akhlak Serta Sikap Ibu Bapa**

Setiap ibu bapa mempunyai hak serta kehendak mereka dalam menentukan kepentingan terbaik buat anak-anak. Sungguhpun ibu bapa mempunyai hak mereka ke atas anak itu namun hak seorang anak dalam memastikan kebajikan mereka terjamin adalah lebih penting dan menjadi keutamaan. Prinsip ini jelas dinyatakan oleh Hakim Chan Sek Keong dalam kes **Tan Siew Kee v Chua Ah Boey [1988] 3 MLJ 20** sepertimana berikut:

*“Seksyen 3 Akta Penjagaan Kanak-Kanak memperuntukkan bahawa dalam prosiding untuk penjagaan kanak-kanak, mahkamah hendaklah menganggap kebajikan kanak-kanak itu sebagai pertimbangan pertama dan utama dan bapa mahupun ibu tidak mempunyai hak penjagaan yang lebih utama daripadanya. Akta ini terpakai bukan sahaja kepada pasangan suami isteri tetapi juga kepada sesiapa yang mmenjadi pihak dalam prosiding berkenaan.”*

Walaupun kemahuan ibu bapa diperuntukkan dalam AMU 1976 serta enakmen undang-undang keluarga Islam di setiap negeri, namun dari segi amalannya di Mahkamah, ia bukan faktor utama yang akan dipertimbangkan dalam menentukan kebajikan seorang kanak-kanak itu. Adakalanya mahkamah mungkin akan mempertimbangkan kehendak ibu bapa jika ianya sesuai mengikut keperluan anak-anak. Mahkamah juga akan melihat perilaku serta akhlak ibu bapa dalam menentukan hak jagaan anak. Undang-undang Islam telah memperuntukkan bahawasanya salah satu syarat kelayakan untuk mendapatkan hak penjagaan anak adalah tidak bersikap buruk dan tidak sopan di tempat terbuka. Menurut Tuan Shamsuddin menyatakan sekiranya ibu berperangai buruk seperti selalu ke kelab malam, maka ibu tersebut tidak boleh menjadi “kafil” iaitu orang yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kanak-kanak itu yang mana mempunyai perkaitan di antara ta'lim dan ta'dib walaupun pada prinsipnya ta'lim dan ta'dib itu masih tanggungjawab bapa namun ia masih dikenakan terhadap penjaga kanak-kanak itu.

## **Kemahiran Keibubapaan Dan Kesihatan**

Kemahiran keibubapaan (parenting skills) dan kesihatan ibu bapa terutamanya kesihatan mental merupakan dua faktor lain yang patut menjadi pertimbangan dalam menentukan hak penjagaan anak termasuklah dalam isu penjagaan anak yang salah seorang ibu bapanya telah memeluk agama Islam. Dalam kes **Amar Kaur Ram Singh v Najar Singh Sagar Singh [1992] 2 CLJ 807**, mahkamah menolak permohonan seorang ibu untuk mendapatkan hak jagaan enam orang anaknya kerana keadaan dirinya yang tidak stabil dan mempunyai rekod kecenderungan untuk membunuh diri dan melakukan keganasan terhadap anak-anaknya. Terdapat juga keterangan dalam kes ini yang menunjukkan anak-anak berada dalam keadaan fizikal, mental dan emosi yang positif berada dalam jagaan bapa mereka.

Dalam kes **Patricia Sue Lin Knudsen v Joey James Ghazlan [2021] MLJU 836**, isu yang timbul ialah sama ada si ibu kekurangan kemahiran keibubapaan. Hujahan yang dikemukakan meliputi kesibukan kerjaya si ibu sebagai personaliti radio dan televisyen sehingga meletakkan tugas menjaga anak tersebut kepada ibunya (nenek kanak-kanak) sendiri. Terdapat juga beberapa siri keterangan yang menunjukkan si ibu pernah memandu bersama-sama anaknya tanpa mempunyai lesen memandu dan insurans, memandu di bawah pengaruh alkohol dan juga pernah terlibat dalam kemalangan bersama anaknya itu dalam cubaan lari dan mengelakkan diri daripada si bapa kanak-kanak itu. Oleh yang demikian, si ibu dikatakan tidak layak mendapat hak jagaan dan mempunyai kekurangan kemahiran keibubapaan. Mahkamah Rayuan sebaliknya membenarkan rayuan terhadap penolakan saman pemula bagi mendapatkan perintah penjagaan, jagaan, pemeliharaan dan kawalan ke atas anak dengan mempertimbangkan umur kanak-kanak itu yang masih kecil dan sangat memerlukan kasih sayang, belaian dan perhatian ibunya sebagai keutamaan dalam memastikan kebajikan kanak-kanak itu.

## **PENUTUP**

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa mahkamah sivil dan mahkamah syariah sangat menitikberatkan aspek kebajikan dan kepentingan kanak-kanak dalam menentukan hak penjagaan walaupun ibu bapa dalam sesebuah perkahwinan telah bertukar agama. Untuk mencari jalan penyelesaian dalam menangani konflik ini bukanlah suatu yang mudah kerana pihak yang beragama Islam dan bukan Islam akan bertikai untuk memperjuangkan hak masing-masing, namun mereka mestilah mengambil pendekatan untuk berdamai dan lebih memfokuskan kepada hak anak-anak. Ini kerana anak-anak adalah individu yang sepatutnya disayangi dan diberikan perhatian sepenuhnya oleh ibu bapa biarpun telah berlakunya penceraian di antara mereka. Misalnya, walaupun telah berpisah, bapa hendaklah melunaskan tanggungjawab dengan memberikan nafkah kepada anak-anak walaupun anak tersebut dalam jagaan ibu yang bukan beragama Islam. Selain itu hak penjagaan anak tidak muktamad dan boleh berubah pada bila-bila masa mengikut keadaan sekiranya berlaku faktor-faktor yang menyebabkan kebajikan anak itu tidak dijamin. Pengkaji turut merasakan bahawa konsep perkongsian keibubapaan seharusnya diaplikasikan penggunaannya di mahkamah sivil dan mahkamah syariah untuk menyelesaikan kemelut hak penjagaan anak apabila salah satu pasangan menukar agama. Ia merupakan satu pendekatan terbaik yang boleh digunapakai kerana ibu bapa dapat

berbincang bersama-sama dalam memastikan kepentingan anak terjamin. Oleh itu, ibu bapa dapat menguruskan hal ehwal anak-anak dengan baik biarpun telah berpisah disebabkan berlainan agama.

## **RUJUKAN**

- Arifin Abdullah & Siti Nursyafiqah Binti Ismail. (2018). Faktor-Faktor Gugurnya Hadhanah Kepada Ibu (Analisis Enakmen Keluarga Islam Pulau Pinang No.5 Tahun 2004 Ditinjau Menurut Kajian Fiqh). *Jurnal ar-raniry*. Vol. 1(1). hlm: 75-91.
- Azlan Shah Nabees Khan & Mohd Al-Adib Samuri. (2022). Unilateral Conversion of Minors To Islam Legal Discourse And Muslim Converts' Narrative On Custody And Religious Rights In Malaysia. *Kajian Malaysia*. Vol 40(1). hlm: 59-81.
- Faiz Adnan. (2018). Status Agama Anak Bawah Umur & Hak Hadhanah Apabila Salah Seorang Ibu Bapa Memeluk Islam: Adakah Islam Atau Kekal Dengan Agama Ibu Bapa Ketika Berkahwin?. <https://peguamsyariefas.com.my/status-agama-anak-bawah-umur/>
- Izwan Roslin. (28 Mei 2023). Menteri Agama cadang tubuh pusat mediasi selesai isu Islam, bukan Islam. *Sinar Harian*
- Khairun Nisa Binti Md Isa & Kamariah Abu Bakar. (2021). Hubungan Antara Emosi Ibu Bapa Dengan Kanak-Kanak Dan Kepentingannya Terhadap Perkembangan Kanak-Kanak. *Malaysian Journal Of Science And Humanities*. Vol 6(7). hlm: 258-266.
- Louisa Chang. (2016). *Understanding Child Custody & Guardianship Of Infants In Malaysia*. Alexchangelaw.com. (6 September 2016)
- Mohamed Aidil, Mohamed Azam & Rafeah Saidon. (2017). Kesan Pertukaran Agama Ibu Bapa Terhadap Status Agama Anak. *ICR Journal*. Vol 8 (3). hlm: 400-419.
- Mohd Taufik Mohd Tasrip & Narizan Abdul Rahman. (2016). Pertukaran Agama Islam Seorang Ibu Bapa Bukan Islam Di Malaysia Serta Implikasinya Kepada Kebajikan Kanak-Kanak. *Journal Of Shariah Law Research*. Vol 1(1). hlm: 89-104.
- Mohd Zulfiqri Bin Zakaria. (2024). *Faktor-Faktor Penentuan Hak Penjagaan Anak Dalam Kes Pemelukan Agama Islam Menurut Perundangan di Malaysia*. Melaka. Temu bual, 12 Januari 2024.
- Najibah Mohd Zain, Hidayati Mohamed Jani, Abdul Ghafar Hamid & Nora Abdul Hak. (2019). Jurisdictional Conflict In Interfaith Child Custody Disputes: A Legal Discourse In Malaysia Courts. *Journal of Islamic Thought And Civilization of The International Islamic University Malaysia*. Vol 24(1). hlm: 1-24.
- Nor'asyikin Binti Hamzah (2018). *Pelaksanaan Peruntukan Perlindungan Dan Kebajikan Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia: Kajian Dari Perspektif Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989*. (Thesis Ph. D). Universiti Malaya.
- Norlia Ibrahim, Najibah Mohd Zin, Nora Abdul Hak, Roslina Che Soh, Normi Abdul Malek & Mohd Hisham Mohd Kamal. (2024). *Family Law Non-Muslim in Malaysia*. Selangor: International Islamic University Malaysia
- Nur Sharina Shereen Hasmuri & Mohd Norhusairi Mat Hussain. (2022). Penentuan Hak Hadhanah Anak Terhadap Pasangan Berlainan Agama: Kajian Terhadap Kes-Kes Dalam Jurnal Hukum. *Journal of Shariah Law Research*. Vol 7 (1). hlm: 129-146.
- Nur Zulfah Binti Md Abdul Salam. (2019). Kebajikan Anak Dalam Kes Hadhanah Di Mahkamah Syariah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Vol 6(2).hlm: 71-83.

- Nur Zulfah Md Abdul Salam. (2018). Asas Pertimbangan Dalam Penghakiman Hadhanah: Analisis Terhadap Kes-Kes Di Mahkamah Syariah. *4<sup>th</sup> Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*. hlm: 47-61.
- Prof Madya Dato' Dr Mohamed Azam Mohamed Adil. (2022). Kemelut Pemelukan Agama Islam Kanak-Kanak Pasangan Berlainan Agama.
- Prof Madya Dr Mohamed Azam Mohamed Adil. (18 Februari 2016). Kemelut Hak Jagaan Anak Pasangan Lain Agama. *Utusan Malaysia*
- Redwan Yasin, Noor Aziah Mohd Awal & Nurhafilah Musa. (2021). Hak Pemeliharaan Anak Bagi Mualaf: Konflik Undang-Undang Di Malaysia. *Kanun: Undang-Undang Malaysia*. Vol. 33(1). hlm: 51-78.
- Rokiah Kadir, Raihanah Abdullah & Sa'iek Mokhlis. (2021). Understanding Why Mothers Can Lose Child Custody In Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*. hlm: 1-25.
- Shamsuddin bin Hussain. (2024). *Faktor-Faktor Penentuan Hak Penjagaan Anak Dalam Kes Pemelukan Agama Islam Menurut Perundangan di Malaysia*. Wilayah Persekutuan. Temu bual, 19 Januari 2024.
- Zuliza Mohd Kurin & Nur Hidayah Muhammad Hashim. (2016). Pemelukan Islam Pasangan Perkahwinan Sivil: Isu Berbangkit Dan Cadangan Penambahbaikan Menurut Undang-Undang Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*. Vol 28. hlm: 16-42.

## STATUT

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976  
Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984  
Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961  
Perlembagaan Persekutuan

## KES-KES

*Amar Kaur Ram Singh v Najar Singh Sagar Singh* [1992] 2 CLJ 807  
*Chan Eng Lim v Camille Yap & Other Cases* [2013] 1 LNS 861  
*Chang Ah May @ Chong Chaw Peng v Francis Teh Thian Sar* [1991] 2 CLJ  
*Indira Gandhi Mutho v Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors* [2013] 7 CLJ 82  
*Karen Young v Ng Tia Ching* [2018] MLJ 377  
*Leong Sam Moy v Low Chee Thiam* [1997] 2 CLJ Supp 212  
*Patricia Sue Lin Knudsen v Joey James Ghazlan* [2021] MLJU 836  
*Permohonan Ex Parte Zaimas Binti Ibrahim* JH 10 (2) 204  
*Shamala Santhiyaseelan v Dr Jeyaganesh C Mogarajah & Anor* [2004] 2 MLJ 24  
*Tan Siew Kee v Chua Ah Boey* [1988] 3 MLJ 20  
*Yong May Inn v Sia Kuan Seng* [1971] 1 MLJ 280